

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan butir-butir terperinci projek-projek yang telah diluluskan dan akan dilaksanakan untuk membangunkan Malaysia Vision Valley di Negeri Sembilan serta bagaimanakah projek-projek tersebut dibiayai serta kosnya.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Vision Valley (MVV) merupakan satu projek pembangunan bersepadu baharu yang diterajui oleh sektor swasta dan akan dilaksanakan berasaskan konsep perkongsian awam swasta. Pembangunan MVV meliputi beberapa kluster strategik dengan tumpuan kepada beberapa projek pemangkin utama seperti *Integrated Transport District, Sports and Recreation City, Biopolis and Wellness City, Knowledge City* dan *Hi-tech and Industrial Park*.

Pembangunan MVV menjadi pelengkap kepada kawasan pertumbuhan Greater Kuala Lumpur di Lembah Klang. Ini selaras dengan kedudukan geografi MVV yang berada dalam lingkungan Konurbasi Kuala Lumpur seperti dinyatakan dalam Rancangan Fizikal Negara.

Sebagai permulaan, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan telah mengenal pasti empat (4) projek utama berjumlah RM550.5 juta yang akan dilaksanakan di dalam kawasan pembangunan MVV. Projek tersebut adalah seperti berikut:

- i. menaiktaraf jalan dari Sepang (KLIA) - Teluk Kemang, Laluan 5, Port Dickson, Negeri Sembilan dengan kos sebanyak RM260 juta ;

- ii. membina jalan baru dari Nilai - Labu ke Bandar Enstek - KLIA, Negeri Sembilan dengan kos sebanyak RM200 juta ;
- iii. membina jalan susur dari Tol baru Seremban ke Jalan Lingkaran Tengah Seremban, Jalan Seremban - Labu FT362, Negeri Sembilan dengan kos sebanyak RM90 juta ;
dan
- iv. Kajian bagi Skim Bekalan Air Lembangan Linggi (*Bunded Storage*) dengan kos sebanyak RM500 ribu.

Projek yang diluluskan ini adalah penting bagi meningkatkan ketersambungan di MVV melalui penyediaan infrastruktur yang lengkap bukan hanya kepada pelabur swasta tetapi juga kepada penduduk setempat.

Pembangunan MVV dijangka memberi impak positif kepada ekonomi negara dengan jumlah pelaburan dianggarkan sebanyak RM417.6 bilion menjelang tahun 2045 dengan lebih daripada 80% akan disumbangkan oleh pelaburan swasta.

Antara projek yang akan menjana pelaburan swasta adalah pembangunan Seremban Central, Seremban Resort City, Projek Perumahan PR1MA, PD Waterfront dan PD Splash Park.

Sekian, terima kasih.